

Longgar cukai demi pekerja: PM

BH 18 JUN 1990

KUALA LUMPUR. Ahad — Kerajaan akan terus mengemukakan dasar tidak mengutip cukai tertentu asalkan rakyat memiliki peluang kerja yang lebih luas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, dasar itu akan dikekalkan sehinggalah setiap warganegara mengecap nikmat pembangunan yang seimbang di antara kaum, bangsa dan agama.

"Kerajaan sanggup tidak mengutip cukai asalkan rakyat ada kerja. Kerajaan mempunyai dasar pekerja yang dapat diterima oleh semua pihak.

"Kita seboleh-bolehnya akan cuba menyediakan peluang ker-

ja untuk setiap orang. Sebab itu lah kerajaan berikhtiar menarik seberapa ramai pelabur asing untuk menanam modal di negara ini.

"Kerajaan tidak sanggup melihat rakyatnya hidup miskin dan tanpa kerja," katanya ketika berucap kepada kira-kira 10,000 rakyat jelata selepas merasmikan projek rumah pangsa murah Kampung Kerinci, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ada sesetengah pihak cuba merosakkan masa depan rakyat, khasnya 130,000 pekerja kilang elektronik, dengan menghasut kerajaan Amerika Syarikat supaya menarik balik Skim Keuta-

maan Am (GSP) daripada negara ini.

Menurutnya, sikap beberapa pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) itu membuktikan bahawa mereka sebenarnya tidak berminat memperjuangkan kepentingan pekerja, sebaliknya bergerak untuk kepentingan politik pribadi.

"Siapakah Zainal Rampak (Presiden MTUC) dan V David (Setiausaha Agung MTUC) ini?"

"Adakah mereka yang menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat selama ini? Adakah mereka turut sama-sama membantu usaha kerajaan untuk menarik pelabur ke negara ini?"

"Mereka cuma menerima gaji dan elaun \$5,000 hingga \$6,000 sebulan, yang dibayar oleh ahli MTUC sendiri.

"Jadi, bagaimana mereka boleh membuat desakan sedemikian kepada pertubuhan di Amerika Syarikat, sedangkan mereka sendiri tidak langsung menyumbang untuk kesejahteraan golongan pekerja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan memberi pelbagai galakan kepada pelabur asing bagi memastikan mereka membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat, dengan membuka kilang di sini.

● LIHAT MUKA 2

Fstikan majikan untung: Dr Mahathir

BHARI MUKA JUN 1990

Katanya, kerajaan mengenakan cukai korporat 35 peratus ke atas keuntungan yang diperolehi oleh kilang dan pemilik gedung perniagaan dan wang itu akan digunakan untuk pembangunan rakyat.

"Dari situlah kerajaan memperoleh pendapatan. Kita menggunakan wang itu untuk membina jalan, rumah dan kemudahan asas untuk rakyat.

"Jika kerajaan tidak mempunyai sumber kewangan, bagaimana rakyat dapat hidup di bawah sebuah kerajaan yang miskin? Kita perlu menyedari hal ini," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat dan pekerja harus bekerjasama memastikan majikan mereka mendapat keuntungan bagi membolehkan mereka turut

mengecap faedah daripada cukai yang dikutip itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang ada pada hari ini adalah kerajaan yang membela nasib pekerja.

"Kita simpati kepada rakyat yang masih miskin dan tidak ada pekerjaan. Kita akan cuba mengurangkan kadar pengangguran daripada kadar tujuh peratus kepada sekurang-kurangnya tiga peratus sebelum akhir dekad ini.

"Ini semua memerlukan kerjasama rakyat supaya iklim pelaburan kita tenteram dan menguntungkan," katanya.

Turut serik dalam perhimpunan itu ialah kira-kira 1,000 pekerja kilang elektronik Harris Semiconductors yang membara sepanduk menentang tindakan MTUC berhubung isu GSP.